

# Pertahankan UMNO demi kecemerlangan bangsa

Um - 10/5/2007

**ESOK**, genap 61 tahun usia Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Perkembangan) atau United Malay National Organisation (UMNO). Kita seharusnya bersyukur kerana pertubuhan ini dilahirkan dengan penuh kekuatan dalaman rohani dan jasmani umat Melayu itu sendiri.

Sesungguhnya pengorbanan Datuk Onn Jaafar tiada nilai sepanjang hayat selagi UMNO ini terus perkasa dan diperkaskan.

Kepada generasi muda, tolehlah ke belakang sejenak, imbaulah kembali sejarah penubuhan parti keramat umat Melayu ini. Pasti ia akan menitiskan air mata kita.

Selepas menyusuri erti sebuah kemerdekaan bergandingan pakatan dengan MCA dan MIC dalam gabungan yang disebut Perikatan kini Barisan Nasional, UMNO melalui pelbagai ranjau dan anak yang amat mencabar.

Terlalu sukar untuk dihayati kewujudan UMNO dahulu dan sekarang. Dahulu untuk meletakkan calon pemimpin dalam memperjuangkan nasib umat Melayu, salah satu kriteria adalah pemimpin itu ha-

ruslah 'berjiwa bangsa Melayu'. Dewasa ini, bukan mudah untuk mencari pendekar yang sanggup mempertaruhkan nyawanya bagi membela bangsanya. Pemimpin dahulu hadir dalam kawah yang bergeluh dengan tekanan dan penindasan tetapi mereka melaluinya dengan kesabaran, ketekunan serta ketakwaan. Akhirnya, pemimpin dahulu telah meletakkan satu penanda arah bagi pemimpin hari ini untuk meneruskan apa yang telah mereka lakukan suatu ketika dahulu. Begitulah murninya kelahiran UMNO ini kepada umat Melayu.

Kini, perjalanan UMNO penuh dengan warna-warni. Adakalanya, segelintir pemimpin amat berminat dengan warna yang terang, gelap, kabur ataupun seperti pelangi. Terpulanglah bagaimana ia dicorakkan bagi merealisasikan kepentingan bangsa agar terus terbelah. Pertahankanlah institusi ini sebagai warisan pusaka anak bangsa yang tidak akan dijual beli. UMNO adalah bangsa Melayu, warisan pusaka Melayu, semangat bangsa Melayu dan khazanah Melayu maka marilah kita men-

jaganya dengan sempurna. Janganlah lagi ada perselisihan dan persengketaan sesama kita. Apa yang saya khuatirkan, jika UMNO ini lenyap dari pentas membela anak bangsa, percayalah suatu hari nanti bahawa anak cucu-cicit umat Melayu akan merempat di tanah airnya sendiri.

Kepada ahli-ahli pertubuhan UMNO ini, baik yang berjawatan, yang bercita-cita dan yang hanya ahli biasa, ambillah kesempatan dalam meraikan hari ulang tahun kelahiran parti keramat umat Melayu ini dengan menyedut nafas keinsafan serta menyemadikan roh perjuangan pemimpin terdahulu. Sematkanlah di jiwa kita sebagai benteng yang ampuh daripada sebarang perasaan hasad dengki, fitnah-memfitnah, jatuh-menjatuh atau apa sahaja keperibadian negatif yang bisa merobek keutuhan bangsa Melayu. Yakinlah umat Melayu sekalian, hilangnya tamadun sebuah bangsa adalah kerana kejahatan dan kelemahan jiwa bangsa itu sendiri. Kini, ia terletak di tangan kita untuk memacu revolusi minda dalam menggarap kegemilangan umat Melayu. Bangsa Melayu ada-

lah bangsa terbilang, gagah, jiwanya kental bahkan hatinya bersemangat waja. Namun, adakah masih ada lagi Melayu seperti ini dalam kelompok kepimpinan UMNO sekarang, hanya Allah s.w.t yang mengetahuinya.

Masyarakat Melayu amat kasih serta menyintai UMNO. Biarpun ada kalangan orang Melayu yang menentang UMNO melalui parti politik lain seperti Pas, Semangat 46 (telah bubar) ataupun Keadilan, mereka ini juga seharusnya bersyukur dengan kelahiran UMNO. Tanpa UMNO tiadalah mereka. Janganlah "menelanjangi" bangsa kita sendiri hanya kerana kepentingan nafsu sendiri. Kita sudah tinggalan jauh untuk mengangkat martabat bangsa Melayu dalam arus ekonomi. Ini adalah hakikat pahit yang kita harus telan. Hanya kuasa politik yang menentukan kelangsungan umat Melayu ketika ini. Semoga Allah s.w.t terus memelihara kemurnian kelahiran UMNO. Hidup UMNO ! Hidup Melayu !

- WAN INDRAPUTRA AHMAD,  
Kota Raja, Selangor.